

Ismail Sabri mula tugas Timbalan Perdana Menteri

BH- 10/7/2021 mlr: 2

Putrajaya: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam memasuki Pejabat Timbalan Perdana Menteri di Perdana Putra, di sini, bagi memulakan tugasnya sebagai pemimpin nombor dua dalam pentadbiran kerajaan dan mengakui menggalas amanah yang berat.

Ketibaan Ismail Sabri di pekarangan Kompleks Perdana Putra pada jam 10 pagi disambut Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Jamil Rakon.

Sebelum itu, beliau menyapa ahli media di luar pekarangan

Kompleks Perdana Putra, dengan berkata: “(Jadual saya) hari ini (semalam) akan sibuk, pagi dan petang.

Ismail Sabri, 61, memulakan tugas rasminya sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas dilantik ke jawatan berkenaan Rabu lalu. Selain itu, portfolionya sebagai Menteri Kanan Pertahanan dikekalkan.

Terdahulu, kenderaan yang membawa Ismail Sabri dilihat memasuki pekarangan Bangunan Perdana Putra, pada jam 10 pagi.

Ismail Sabri mengimbas kad perakam waktu sebelum mema-



Ismail Sabri menandatangani buku selamat datang dan selamat bertugas di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa diberi minyak wangi, maka janganlah dia menolaknya kerana minyak wangi itu ringan dibawa dan harum baunya.” (HR Nasa’i)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:55	1:26	4:51	7:40	8:55
Alor Setar	5:56	1:26	4:51	7:39	8:55
P. Pinang	5:58	1:26	4:51	7:38	8:53
Ipoh	5:57	1:24	4:49	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:57	1:22	4:47	7:30	8:45
Shah Alam	5:57	1:22	4:47	7:30	8:45
Johor Bahru	5:51	1:13	4:37	7:18	8:33
Kuantan	5:51	1:16	4:41	7:23	8:38
Seremban	5:56	1:20	4:44	7:26	8:41
Bandar Melaka	5:56	1:19	4:44	7:25	8:40
Kota Bharu	5:49	1:19	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:46	1:15	4:40	7:26	8:41
Kota Kinabalu	4:56	12:25	3:50	6:36	7:51
Kuching	5:26	12:48	4:12	6:53	8:08

suki pejabatnya di Aras 4 dan kemudian menandatangani Buku Selamat Datang, diikuti bacaan doa dipimpin Pegawai Integriti JPM, Muhd Redza Ahmad.

Beliau kemudiannya menghadiri Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara (MKN) secara maya bersama Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Putra menempatkan pejabat utama dalam pentadbiran negara seperti Pejabat Perdana Menteri dan Pejabat KSN.

Sebelum ini, JPM dalam kenyataannya berkata, pelantikan Ismail Sabri dapat membantu Perdana Menteri menguruskan

“Pada hari Jumaat yang penuh barakah, saya memulakan tugas dengan menggalas amanah lebih besar demi rakyat Malaysia dan negara yang saya cintai. Insya-Allah, saya akan melakukan yang terbaik”

Ismail Sabri Yaakob,
Timbalan Perdana Menteri

pentadbiran negara dan memenuhi keperluan rakyat dalam keadaan negara sedang menghadapi krisis kesihatan dan ekonomi pada masa ini.

Sementara itu, menerusi laman Facebook miliknya, Ismail Sabri melahirkan rasa syukur atas pelantikan itu dan menyifatkan jawatan disandang sebagai amanah lebih besar.

“Pada hari Jumaat yang penuh barakah, saya memulakan tugas dengan menggalas amanah lebih besar demi rakyat Malaysia dan negara yang saya cintai. Insya-Allah, saya akan melakukan yang terbaik,” katanya yang juga Ahli Parlimen Bera dan Naib Presiden UMNO itu.